

06/10/2003

Gillman kejutkan Capellini di The Mines

Ahmad Fiesal Othman

JUARA dunia dua kali, Scott Gillman dari Amerika Syarikat (AS), meraih kemenangan pertamanya musim ini apabila menjuarai pusingan kelima Kejuaraan Dunia F1 Powerboat Grand Prix (GP) Malaysia di tasik Mines Resort City semalam sambil pemandu Itali, Guido Capellini memastikan kedudukan sebagai pendahulu mutlak kejuaraan.

Pemandu dari Los Angeles itu memastikan kemenangannya selepas mendahului perlumbaan dari awal tanpa diberi tentangan sengit oleh pencabar lain.

Gillman, juara dunia dua kali yang memandu untuk pasukan Emirates F1 bermula dari petak pertama, mengungguli perlumbaan selama 45 minit di litar sepanjang 1.995 kilometer itu dengan catatan 52 minit 00.32 saat.

Dia menewaskan juara dunia tujuh kali, Capellini dari Zepter Team manakala tempat ketiga dimenangi juara GP Malaysia 2001, Laith Pharaoun.

Gillman yang memandu bot nombor 27 menyifatkan kemenangan itu menyemarakkan lagi semangatnya untuk mencatat keputusan cemerlang pada kejuaraan yang tinggal empat pusingan lagi.

"Secara keseluruhannya, saya amat berpuas hati dengan perlumbaan hari ini kerana semuanya berkeadaan baik dan memulakan permulaan dengan sempurna.

"Kemenangan ini amat berharga kerana ia kali pertama bagi saya musim ini.

"Kemenangan ini juga banyak dibantu oleh kelebihan yang saya miliki apabila memulakan perlumbaan dari petak depan yang memberi kelebihan untuk memecut dari awal," kata Gillman juga mendedahkan dia mula berasa selesa mendahului ketika perlumbaan tinggal kira-kira 15 pusingan sebelum tamat. Kemenangan itu ialah yang ke-12 dalam kariernya.

Capellini, 44, pula berjaya melonjak sebagai pendahulu mutlak kejuaraan selepas lima pusingan apabila rakan senegara, Francesco Cantando yang berkongsi mata dengannya sebagai pendahulu kejuaraan dengan 55 mata sebelum ini gagal menamatkan saingan apabila terpaksa berhenti pada pusingan ketiga.

Dia yang juga menduduki tempat kedua GP Malaysia tahun lalu di belakang rakan senegara, Massimo Roggiero kini mengumpul 60 mata, 15 mata mengatasi Cantando yang gagal meraih sebarang mata, manakala Gillman yang menduduki tempat keempat dengan 27 mata menambah 20 mata lagi.

Sebanyak 24 bot memulakan perlumbaan yang dilepaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada jam 3.30 petang tetapi hanya 16 berjaya menamatkan saingan.

GP Malaysia adalah pusingan kelima dan yang pertama bagi tuan rumah Asia